

STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT
PEMBELAJARAN (FASA 1)

NAMA PUSAT : DISCOVERY CENTRE

FUNGSI : PENEROKAAN

TAJUK : SHOWROOM PROTON (LAWATAN)

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	SA 2.2	Mengelaskan objek
2	STANDARD PEMBELAJARAN	SA 1.1.2	Menunjukkan sikap ingin tahu, sistematik, bekerjasama dan bertanggungjawab.
		BM 1.4.4	Berinteraksi menggunakan ayat yang mudah mengikut situasi
3.	STREAM	S	Meneroka dan melihat pelbagai jenis kereta Proton
		T	buku nota, kamera
		R	Mengenal objek ciptaan manusia
		E	Mengenal pasti pelbagai jenis model kereta.
		A	Melukis suasana persekitaran tapak lawatan
		M	Mengira jumlah model kereta yang terdapat di dalam ruang pameran.
4.	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak dapat mengenali model kereta keluaran Malaysia	
5.	BBM	alat tulis, bekalan, kotak pertolongan cemas, buku nota kanak-kanak,	
6.	NILAI MURNI	Menunjukkan sikap sabar dan berani mencuba dalam sesuatu tugas yang baharu.	
7.	<u>STRATEGI PELAKSANAAN</u>		

1. Kanak-kanak dan guru berkongsi pengalaman mereka tentang kereta dan guru mencatatkannya menggunakan peta minda.
2. Guru mencadangkan kepada kanak-kanak untuk diadakan satu lawatan ke Ruang Pameran kereta.
3. Berbincang dengan kanak-kanak tentang perkara yang perlu di buat sebelum, semasa dan selepas lawatan.

Sebelum lawatan:

1. Memilih tarikh, masa dan tempat lawatan.
2. Mesyuarat bersama ibu bapa.
3. Surat kebenaran dari pihak pengurusan KEMAS.
4. Surat makluman lawatan kepada pengurusan tempat yang di lawati.
5. Surat kebenaran kepada ibu bapa.
6. Tempahan pengangkutan /makan minum.
7. Senarai semak keperluan lawatan.
8. Soalan kanak-kanak kepada pakar.
9. Jurnal lawatan kanak-kanak.

Semasa

1. Kanak-kanak di bawa ke ruang pameran (show room) Proton Edar berhampiran dengan menaiki bas.
2. Kanak-kanak memerhatikan kereta-kereta yang terdapat di ruang pameran (show room) Proton Edar.
3. Kanak-kanak dan guru bersoal jawab mengenai kereta Proton yang telah dilihat.
4. Kanak-kanak dibawa melihat kereta yang dipamerkan di ruang pameran (show room).
5. Guru menggalakkan kanak-kanak melukis/menulis maklumat yang mereka perolehi semasa di ruang pameran.
6. Guru meminta kanak-kanak mengira jumlah kereta yang mereka lihat di ruang pameran (show room).
7. Kanak-kanak bersoal jawab dengan guru mengenai apa yang telah dilihat.
8. Kanak-kanak dan guru bertolak pulang.

Selepas

Kanak-kanak menceritakan pengalaman sepanjang lawatan dan melukis semula pengalaman mereka.

Nota:

Guru perlu memastikan keselamatan, kebersihan, penglibatan semua kanak-kanak semasa aktiviti dilaksanakan.